

BENTUK KERTAS SOALAN

Kertas Bahasa Melayu 1 (1103/1) mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B. Calon dikehendaki menjawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B. Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.

Calon diberi masa selama 2 jam lima belas minit untuk menjawab kedua-dua bahagian soalan.

BAHAGIAN A

Dalam Bahagian A terdapat satu soalan sahaja iaitu karangan berpandukan gambar. Calon wajib menjawab soalan ini dan panjang karangan hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan. Calon menjawab berdasarkan tema dan tugas yang diberikan. Masa yang dicadangkan ialah 45 minit. Dalam bahagian ini markah yang diperuntukkan ialah sebanyak 30 markah.

BAHAGIAN B

Dalam bahagian B pula, terdapat lima soalan pilihan. Calon dikehendaki memilih satu soalan sahaja. Panjang karangan Bahagian B mestilah lebih daripada 350 patah perkataan. Masa yang dicadangkan bagi menjawab soalan bahagian ini ialah 1 jam 30 minit. Markah yang diperuntukkan adalah sebanyak 100 markah. Soalan satu berasaskan dimensi diri, soalan dua berasaskan dimensi keluarga, soalan tiga berasaskan dimensi negara, soalan empat berasaskan dimensi antarabangsa dan soalan lima pula berasaskan unsur sastera. Soalan terdiri daripada soalan berformat dan tidak berformat. Soalan berformat ialah soalan satu iaitu soalan laporan, manakala soalan-soalan lain pula tidak berformat iaitu soalan dua, tiga, empat dan lima.

[Type text]

PRESTASI KESELURUHAN

BAHAGIAN A

Pada keseluruhannya prestasi calon meningkat. Bilangan calon yang menunjukkan prestasi cemerlang semakin bertambah berbanding tahun sebelumnya. Kematangan calon dalam menyampaikan idea juga semakin terserlah. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai hukum tatabahasa bahasa Melayu. Namun begitu, masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan baik dan berkesan. Mereka juga gagal menepati kehendak dan tugas soal berdasarkan bahan rangsangan yang diberikan.

BAHAGIAN B

Pada keseluruhannya prestasi calon baik. Kematangan calon dalam menyampaikan dan menghuraikan idea juga semakin jelas. Calon juga dapat membuktikan kemampuan mereka menguasai kemahiran berbahasa dan kemahiran menulis dengan baik melalui penghasilan karangan yang panjangnya melebihi 350 patah perkataan . Namun begitu, masih terdapat calon yang gagal menguasai kemahiran menulis dan menyampaikan idea dengan berkesan. Mereka juga gagal menjawab kehendak dan tugas soal.

PRESTASI MENGIKUT KUMPULAN CALON

BAHAGIAN A

Kumpulan Tinggi

Jawapan calon mantap dan menepati kehendak tugas soal dan tema bahan rangsangan. Calon memahami arahan dan kehendak soal dengan tepat. Jawapan calon menarik kerana menggunakan bahasa yang gramatis, ayat yang bervariasi, kosa kata luas dan tepat, wacananya lengkap dan menggunakan ungkapan menarik yang relevan. Idea dihuraikan dengan jelas, matang, lancar, mudah difahami dan kesalahan bahasa sangat minimum. Keseluruhan perbincangan menunjukkan bahawa calon-calon peka akan isu-isu semasa.

[Type text]

Kumpulan Sederhana

Karangan calon masih menepati tema bahan rangsangan dan mutu jawapan masih memuaskan walaupun pengolahan tidak begitu menarik. Idea masih relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraianya masih jelas. Bahasa yang digunakan masih gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca masih betul dan tepat. Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru. Penggunaan kosa kata umum. Wacananya masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

Namun begitu, terdapat jawapan calon dalam kumpulan ini kurang menepati kehendak tugas. Idea yang dikemukakan ada yang kurang relevan dengan kehendak tugas dan huraianya kurang jelas. Selain itu, penggunaan bahasa oleh calon dalam kumpulan ini kurang gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baru tetapi terdapat beberapa kesalahan ejaan. Penggunaan kosa kata dan penanda wacana pula masih lengkap. Unsur bahasa kurang bervariasi.

Kumpulan Rendah

Calon dalam kumpulan ini gagal memahami tugas atau kehendak soalan. Terdapat jawapan yang kurang menepati kehendak tugas dan ada juga jawapan yang tidak menepati tema bahan rangsangan. Calon tidak menjawab tugas soalan dan idea yang dikemukakan tidak menepati tema bahan rangsangan. Calon juga gagal menguasai kemahiran menulis. Kegagalan ini menyebabkan idea tidak dapat dihuraikan dengan jelas dan tidak tersusun. Terdapat juga calon yang menulis kurang daripada 200 patah perkataan. Kebanyakan calon dalam kumpulan ini menggunakan bahasa yang kurang gramatis atau tidak gramatis.

BAHAGIAN B

Kumpulan Tinggi

Calon dalam kumpulan ini dapat menghasilkan karangan yang cemerlang dengan menguasai tata bahasa bahasa Melayu dengan baik, mempunyai perbendaharaan kata yang luas dan tepat penggunaannya. Calon berkemampuan membina ayat yang pelbagai ragam serta berkesan untuk mengungkap maksud yang hendak disampaikan.

[Type text]

Mereka juga dapat memberikan idea-idea yang sangat relevan berserta contoh yang amat sesuai dan mampu mengolah idea dengan amat baik. Calon juga menunjukkan kematangan fikiran dengan pengolahan yang berkesan.

Kumpulan Sederhana

Secara keseluruhannya, bilangan calon dalam peringkat sederhana adalah lebih ramai berbanding calon dalam kumpulan tinggi. Calon memahami kehendak soalan dan mampu menyenaraikan idea yang cukup serta contoh yang sesuai tetapi masih terdapat kesalahan bahasa yang ringan seperti ejaan dan kadang-kadang menggunakan kosa kata yang salah atau kurang tepat.

Pengolahan dan pemerengganan masih berkesan dan sesuai. Namun begitu, terdapat juga calon dalam peringkat ini hanya memahami soalan secara tersurat tetapi agak keliru dengan kehendak soalan sebenar. Dalam erti kata lain, calon masih dapat mengemukakan tiga idea tetapi kurang mengaitkan idea tersebut dengan kehendak soalan. Bahasanya pula berada pada tahap masih memuaskan.

Kumpulan Rendah

Secara keseluruhannya jawapan calon tidak bermutu. Calon tidak mempunyai kemahiran menulis. Penguasaan perbendaharaan kata calon amat lemah. Hal ini disebabkan calon kurang pengetahuan tentang isu yang dikemukakan dalam soalan serta tidak memahami kehendak soalan menyebabkan mereka gagal memberikan idea yang sesuai.

Pengolahan calon amat lemah sehingga sukar untuk mengesan idea. Idea yang diberi tidak tepat dan bahasa tidak memuaskan atau lemah. Terdapat juga calon yang menghurai idea dengan menggunakan bahasa bahasa ibunda masing-masing.

Calon banyak melakukan kesalahan bahasa seperti tanda baca dan penggunaan kosa kata yang tidak tepat. Ada jawapan calon yang tidak difahami kerana struktur ayatnya tidak jelas dan mengemukakan idea yang tidak berkaitan.

Terdapat sesetengah calon yang menulis karangan tanpa perenggan. Ada sebilangan kecil calon hanya mampu menyalin soalan sahaja dan mengulang-ulangnya dalam ayat. Malahan ada karangan yang mempunyai satu perenggan sahaja. Terdapat calon yang mencampurkan lebih daripada satu isi dalam satu perenggan. Gaya penyampaian tidak menarik dan tidak berkesan.

[Type text]

4 PRESTASI TERPERINCI

Soalan Bahagian A

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada fenomena pencemaran sungai. Huraikan pendapat anda tentang punca-punca pencemaran sungai. Panjangnya huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

TEMA: PENCEMARAN SUNGAI

PRESTASI TINGGI

Calon pada peringkat tinggi dapat menjawab tugas soal menepati tema bahan rangsangan. Calon dapat memahami konsep pencemaran sungai dengan tepat dan mengaitkan konsep tersebut dengan bahan rangsangan yang diberikan. Kecemerlangan jawapan calon terserlah kerana mereka berupaya menggunakan bahasa yang gramatis dari segi morfologi dan sintaksis. Penggunaan kosa kata luas dan tepat sesuai dengan tahap kematangan calon. Calon membuktikan kecemerlangan dengan penggunaan ayat yang bervariasi, di samping dapat mengaplikasikan ungkapan yang menarik dan relevan dengan tema bahan rangsangan. Jawapan calon juga diperkukuh dengan pengolahan yang sangat menarik. Idea-idea yang relevan dengan tema dihuraikan dengan jelas dan matang.

Idea-idea yang relevan dengan tema dihuraikan dengan jelas dan matang. Penggunaan kosa kata, istilah dan tanda baca juga tepat dan betul. Gaya bahasa yang indah ini akan menggambarkan satu bentuk wacana karangan yang lengkap dan menarik.

[Type text]

Contoh :

(Antara punca pencemaran sungai ialah pembuangan sampah sarap ke dalam sungai. Sampah ~~sampah~~ sarap dan sisa buangan domestik yang dibuang ke dalam sungai memberikan kesan yang buruk kepada sungai. Hal ini kerana, pembuangan sampah sarap ke dalam sungai akan menyebabkan sungai dipenuhi plastik-plastik dan sampah bahan-bahan terbuang ~~dan~~ yang terapung di permukaan air. Selain itu, warna sungai akan bertukar kepada ~~kepada~~ jernih kepada kehitam-hitaman atau kehijau-hijauan. Sebagai contoh, di negara kita sendiri, jika kita lihat sungai-sungai di kawasan bandar mahupun di kawasan kampung, ~~keadaan~~ sungai adalah kerdus dan sisa-sisa sampah boleh dilihat terapung di permukaan sungai.)

Idea relevan dengan tema dan dihuraikan dengan jelas dan matang. Bahasa gramatis, pengolahan menarik dan berkesan. Kosa kata luas dan tepat.

Contoh:

(Justeru, punca-punca yang menyebabkan pencemaran peritlah dikenal pasti dengan segera kerana adakah kita mahu menunggu sehingga sungai di negara sudah terkotor, bantulah kita hendak mengambil tindakan, seperti kata pepatah, 'sudah terkantuk baru terngadah'?)

Menggunakan ungkapan menarik yang sesuai dengan idea yang dikemukakan.

PRESTASI SEDERHANA

Calon dalam kumpulan sederhana ini dapat mengemukakan idea yang masih menjawab tugas soalan dan relevan dengan tema bahan rangsangan. Bahasanya pula masih gramatis dari segi kata dan ayat tetapi kosa katanya umum. Tanda baca masih betul dan tepat. Huraian idea masih atau kurang jelas. Wacana masih lengkap dan unsur bahasa masih bervariasi.

[Type text]

Contoh :

(Antara punca pencemaran sungai ialah pembuangan sampah
sahap ke dalam sungai. oleh segeintir masyarakat yang tidak
bertanggungjawab. Hal ini kerana tiada kesedaran tentang
kepentingan sungai dan sikap malas untuk membuang sampah di
tempat yang sepatutnya. Sebagai contoh, golongan masyarakat yang
menatap berhampiran sungai hanya ~~pele~~ membuang sampah dari
dalam rumah dan tidak ~~perlu~~ ^{mahu} keluar. Masyarakat perlu menanam
sikap bertanggungjawab dalam hidup agar pencemaran sungai tidak
bertambah terit.)

Calon masih menjawab tugas soal tetapi huraian kurang jelas. Bahasa masih gramatis. Kosa kata umum.

Calon menulis punca, kesan dan langkah mengatasi pencemaran sungai secara umum, sedangkan tugas soal adalah tentang punca pencemaran sungai.

Contoh:

(Selain itu, pencemaran sungai juga disebabkan oleh ¹¹¹⁰
pembuangan sisa ~~hasil~~ dari kilang-kilang. Hal ini menjadikan
air sungai ~~ini~~ beracun dan tidak selamat untuk diminum.
Sebagai contoh, pembuangan sisa ~~hasil~~ ^{merkuri} dari ^{Minamata,} Jepun
mengakibatkan sungai tercemar dan rakyat yang menggunakan
air sungai tersebut menghidap keracunan yang memburu maut.
Pihak-pihak berkenaan seharusnya mengambil ^{langkah dan menjalankan} langkah yang efisien
untuk menghapuskan sisa perkilangan tanpa mencemarkan sungai)


Calon masih menjawab tugas tetapi idea bercampur-aduk.

[Type text]

PRESTASI RENDAH.

Calon masih dapat mengemukakan idea yang menepati tema bahan rangsangan dan menjawab tugas soal. Huraian idea tidak jelas atau kurang jelas dan sukar difahami. Bahasa tidak gramatis.

Contoh :




(Pencemaran sungai adalah salah satu kegiatan yang dilakukan masyarakat Malaysia pada masa kini. Dahulu sampah sorap akan dibuang ditong sampah atau ada dua cara yang lain ia itu tanam sampah atau bakar. Sistem dahulu pun ada pencemaran udara tapi bukan sekatat ini. Berlaku tapi kini sampah sorap di buang di tempat merata tempat. Adakala anda pernah tanya kenapa ia berlaku? Ia berlaku kerana perbuatan yang kurang nilai murni dan kurang pengetahuan tentang pencemaran sungai. Kebanyakan ia berlaku di tepi sungai itu adakalanya ada kediaman di bina di tepi-tepi sungai.)

Calon masih menjawab tugas soal dan masih relevan dengan tema tetapi bahasa tidak gramatis dan sukar difahami.

Calon tidak menguasai kemahiran menulis. Kesalahan bahasa amat ketara.

Contoh :



(Selain itu, Pembuangan sisa dari kilang - kilang secepat ada di sebelah sungai, membuang sisa di dalam sungai. Bahan - Bahan kimia bercampur dengan sisa, dan sisa akan bercampur dengan sungai. warna sungai akan berubah dan tidak cantik. Pencemaran sungai ini mencemarkan kelihatan sungai.)

Karangan calon sukar difahami.

[Type text]

Calon tidak menjawab tugas soal.

Contoh :

(Pembuangan sampah sarap dilakukan masyarakat
masyarakat setempat sekiranya pembuangan sampah
sarap dilakukan oleh seorang maka akibatnya di
terima ramai-ramai. Contohnya seorang dari taman
sayang buang sampah sarap akibatnya akan diterima
penduduk taman sayang dari bau yang busuk dari
air sungai ~~basah~~ menjadi kotor dan kediaman yang
akan terd terjejas ia kemukernan akan berlaku
Penyakit yang berjangkit)

Idea tidak menyentuh punca pencemaran sungai. Kesalahan ejaan amat ketara.
Penggunaan tanda baca lemah.

BAHAGIAN B

SOALAN 1

Sebagai setiausaha sidang redaksi majalah sekolah, anda ditugaskan untuk menyediakan satu laporan tentang Majlis Anugerah Cemerlang yang diadakan di sekolah anda.

Sediakan laporan itu selengkapnya.

PRESTASI TINGGI

Calon dapat mengemukakan idea yang relevan mengikut tugas soal di samping huraian idea yang jelas dan matang serta contoh-contoh yang sesuai. Calon dapat menggunakan ayat majmuk yang gramatis, laras bahasa yang sesuai, kosa kata yang luas dan tepat serta unsur bahasa yang bervariasi. Gaya bahasa yang digunakan menarik dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa yang sesuai. Wacana penulisannya lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

[Type text]

Contoh:

Pada hari yang berprestij ini, majlis dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Abdul Aziz. Majlis diteruskan lagi dengan ucapan karamat daripada Pegawai Pelajaran Daerah Kuala Kerai iaitu Encik Ismail Perawan. Lima belas minit kemudian, tibalah saat-saat yang dinantikan oleh semua pelajar iaitu acara penyampaian anugerah, hadiah, sijil dan trofi serta pingat kepada semua pelajar yang cemerlang dalam bidang kesuskulturan dan akademik sesi 2008.

Idea relevan mengikut tugas soalannya. Huraian yang jelas tentang Majlis Anugerah Cemerlang yang diadakan di sekolah.

Contoh:

Setelah tiba saat yang ditunggu-tunggu, ucapan perasmian oleh Menteri Pelajaran dimulakan. Dalam ucapan, beliau menyeru agar semua pelajar tidak berhenti menuntut ilmu kerana ilmu tidak akan berkarat dan orang yang berilmu mempunyai kelebihan. Katanya lagi, pihak kerajaan sudah memperolehi berjuta-juta ringgit untuk cendawan para pelajar dan hanya tinggal pelajar untuk melaksanakannya seperti peribahasa melayu 'mempatakan 'sayung sudah di tangan, perahu sudah di air'.

Kosa katanya luas dan tepat, unsur bahasa bervariasi dan menggunakan ungkapan yang menarik. Pemerenggan yang digunakan adalah bersesuaian dengan idea dan huraian. Contoh-contoh yang dikemukakan juga sesuai dan tepat. Idea-idea yang digarap berjaya diolah dengan baik hingga meninggalkan kesan kepada pembaca.

[Type text]

PRESTASI SEDERHANA

Idea yang dikemukakan masih relevan mengikut tugas, huraian isi masih jelas dan contoh-contoh masih sesuai. Calon masih dapat melaporkan aktiviti sepanjang Majlis Anugerah Cemerlang di sekolah mereka seperti ucapan perasmian hingga penyampaian hadiah kepada pelajar-pelajar. Penggunaan bahasa masih gramatis tetapi terdapat kesalahan tatabahasa yang minimum. Unsur bahasa yang digunakan masih bervariasi. Penggunaan gaya bahasa kurang menarik dan penggunaan ungkapan kurang berkesan. Kosa katanya umum. Pengolahan masih menarik, pemerenggan masih sesuai dan wacana masih lengkap.

Contoh :

| |
|---|
| Acara diteruskan dengan penyampaian hadiah ^{anugerah} cemerlang. |
| Anugerah ini telah di sampaikan ^{di sampaikan} oleh Begah ^{En Fadzil} dan |
| diiringi oleh puan pengetua, cik Hjh Nazipah. Para penerima |
| anugerah sangat gembira di atas ^{atas} kejayaan mereka. Ada juga |
| pelajar yang tidak hadir dan telah mewakili rakan mereka |
| untuk mengambilnya. Pada tahun ini, sekolah telah memben |
| Anugerah tokoh pelajar di berikan ^{di berikan} kepada Nor Shahirah. |
| Nor Shahirah adalah pelajar tingkatan lima. |

Calon dapat menjawab tugas soalan tetapi huraian isi kurang jelas. Terdapat kesalahan tatabahasa yang minimum.

Contoh :

| |
|--|
| selepas itu, acara diteruskan dengan menjemput pendeklamasi, |
| sajak seolah untuk mendeklamasikan sajaknya. Sajak ini |
| di persembahkan di tampilkan oleh Noor Zaharah bt. Abd Latif ada ^{dari} tingkatan |
| 3. Dia adalah juara bagi pertandingan sajak di peringkat |
| kebangsaan. Tajuk sajaknya ialah sepi yang sangat ^{selepas acara itu} |
| berakhir, Ibu bapa di jemput untuk bersantap. Ibu bapa, ibu ^{guru} |
| dan para pelajar dihidangkan dengan pelbagai jenis makanan. |
| Antaranya roti canai, makanan cina, makanan lain ^{laut} dan |
| lain-lain. |

Kosa kata umum dan terhad. Bahasa kurang bervariasi.

[Type text]

PRESTASI RENDAH

Calon masih menjawab tugas dengan bahasa yang baik tetapi isi kurang (1 atau 2 isi) dan tidak diuraikan dengan jelas. Idea hanya disentuh sepintas lalu. Calon hanya menyatakan acara-acara tetapi tidak diuraikan atau menggambarkan acara-acara tersebut.

Contoh :

| |
|---|
| <p>Selepas memberi ganjaran, guru besar dan Encik Lambri pun duduk di atas kerusi yang disediakan di tengah pentas. Seorang murid yang mendapat keputusan yang cemerlang, pun naik ke pentas untuk memberi ucapan tentang bagaimana teknik belajar.</p> |
| <p>Selepas ucapan murid itu habis, majlis juga hampir tamat. Puan Nor mengucapkan terima kasih dan para hadirin juga berdiri untuk menyanyi lagu negara dan majlis ditamat dengan berjaya.</p> |

Huraian idea tidak jelas.

Calon tidak menguasai bahasa dengan baik. Ayat tidak gramatis. Sebahagian daripada ayat yang digunakan tidak jelas dan tergantung. Pengolahan tidak menarik berpunca daripada wacana yang kurang lengkap dan unsur bahasa yang kurang bervariasi. Pemerenggan tidak seimbang.

Contoh :

| |
|--|
| <p>Selepas ucapan Pn. Nor Puan Nor, pihak sekolah telah menjemput seorang pengurus yang bernama Encik Lambri yang bekerja dalam pusat kerajaan pendidikan untuk menjadi wakil memberi ganjaran. Pancaragam sekolah berada di atas pentas dan terus main muzik kepada para hadirin. Banyak aktiviti yang telah murid sediakan seperti menari dan drama. Dua jam yang lalu, tamatlah aktiviti yang murid tunjuk. Guru besar pun naik ke pentas untuk mengucapkan ucapan yang beliau sediakan. Guru besar memberitahu murid-murid belajar bersungguh-sungguh supaya masa depan akan lebih baik dan Majlis Anugerah (cemerlang) adalah untuk memuji murid-murid yang belajar bersungguh-sungguh dan berjaya mendapat keputusan yang cemerlang. Murid yang mewakili sekolah untuk bertanding dengan sekolah lain juga akan dapat naik ke atas pentas untuk menerima ganjaran.</p> |
|--|

Bahasa tidak gramatis dan pengolahan tidak menarik.

[Type text]

Calon tidak menjawab tugas soal dan penguasaan bahasa calon tidak gramatis .

Contoh :

Laporan ini tentang majlis Anugerah Cemerlang yang diadakan di sekolah saya. Laporan itu menulis dalam sidang redaksi sekolah. Saya sebagai setiausaha perlu bertanggungjawab dan selesaikan laporan ini

Klang, Sekolah Menengah Kebangsaan Methodist (ACS) telah mengadakan majlis anugerah Cemerlang. Yang terhormat pengetua, guru-guru dan murid-murid yang disayangi.

Huraian idea tidak jelas, bahasa tidak gramatis.

Soalan 2

Setiap orang ingin akan kawasan petempatan yang terancang untuk tinggal bersama-sama keluarga tersayang.

Jelaskan ciri-ciri sebuah petempatan yang menjadi idaman anda sekeluarga.

PRESTASI TINGGI

Calon dapat memahami tugas soal yang diberikan dengan tepat dan jelas, iaitu calon dapat menjelaskan ciri-ciri kawasan petempatan yang menjadi idamannya untuk tinggal bersama-sama keluarga tersayang. Idea dapat dihuraikan dengan jelas dan matang, di samping contoh yang tepat dan sesuai. Selain itu, idea yang dikemukakan oleh calon-calon yang cemerlang juga mempunyai kesinambungan antara perenggan. Idea yang dikemukakan sangat menarik iaitu menghubungkaitkannya dengan fakta sejarah yang dipelajari seperti petempatan tamadun Mesir Purba dan Tamadun Indus, Bandar Harappa. Buktinya dapat diteliti berdasarkan contoh berikut :

[Type text]

Contoh :

Seben itu, sebuah petempatan yang tersusun turut menjadi pilihan. Semasa Tamadun Indus, bandar Harappa, mempunyai susunan susunan bangunan yang sangat terancang. Bangunan berbentuk segi empat disusun rapi dengan pengaplikasian ilmu matematik dan geometri telah menjadikan tamadun ini sebuah tamadun yang gemilang. Oleh itu, sebuah petempatan yang tersusun dapat membentuk sebuah organisasi yang kukuh dan ^{hal} ini telah dibuktikan oleh tamadun-tamadun sebelum ini. Petempatan yang terancang lebih menyedapkan mata yang memandang jikalau dibandingkan dengan sebuah petempatan yang bangunannya disusun sesuka hati. Kepala yang sudah sarat dengan masalah di tempat kerja akan menjadi lebih serabut apabila terpancang keadaan petempatan yang tidak terancang.

Idea relevan dengan tugas, contoh jelas dan matang.

Calon-calon yang matang berupaya mengemukakan lebih daripada 3 idea penting tentang ciri-ciri petempatan yang menjadi idamannya untuk tinggal bersama-sama keluarga tersayang. Antara idea yang dikemukakan ialah kediaman idamannya dan keluarganya mestilah mempunyai kemudahan asas yang lengkap seperti sekolah, pusat beli belah, warung, kafe siber dan taman rekreasi. Hal ini dapat dinilai berdasarkan kutipan di bawah:

[Type text]

Contoh :

Petempatan yang menyediakan kemudahan infrastruktur dan lain-lain kemudahan adalah menjadi impian bagi banyak keluarga, begitu juga dengan keluarga saya. Dengan adanya petempatan kemudahan seperti sekolah, klinik, taman rekreasi, telefon awam dan sebagainya dapat menjadikan kehidupan sesebuah keluarga lebih mudah. Contohnya dengan adanya kemudahan seperti sekolah, ibu bapa tidak perlu bersusah payah menghantar anak-anak mereka ke tempat yang lebih jauh untuk menuntut ilmu. Ada pepatah mengatakan menuntut ilmu hingga ke negeri China. Namun, pada usia yang matang, anak-anak lebih mementingkan keseronokan daripada keselamatan. Ditil Jadi, ini akan menyebabkan ibu bapa berasa bimbang akan keselamatan anak-anak. Dengan adanya sekolah yang berhampiran dengan tempat tinggal, tidak perlulah saya berasa bimbang akan keselamatan anak-anak ketika mereka pergi mahupun pulang dari sekolah kerana saya yang akan menghantar serta mengambil mereka pulang. Jika dibandingkan tau dengan tempat menuntut ilmu yang jauh, kanak-kanak berusia lapan tahun yang terpaksa menaiki bas untuk ke sekolah kerana ibu bapanya tidak berkemampuan untuk menghantar anak tersebut, risiko penculikan akan berlaku sangat tinggi.

Pengetahuan luas, idea relevan dan matang.

Calon-calon yang cemerlang dapat menggunakan bahasa yang gramatis dan bervariasi. Calon juga berupaya menggunakan pelbagai ragam ayat dan kosa kata yang luas serta tepat. Calon juga dapat menulis pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis dan sesuai dengan laras bahasa yang digunakan. Calon juga mampu menggunakan ungkapan menarik seperti peribahasa dan cogan kata. Penggunaan peribahasa dan ungkapan-ungkapan menarik dapat memperkuat huraian isi. Penggunaan kosa kata, istilah dan tanda baca juga tepat dan betul. Gaya bahasa yang indah ini akan menggambarkan satu bentuk wacana karangan yang lengkap dan menarik.

Pengolahan calon-calon yang cemerlang adalah menarik dan berkesan. Pemerenggan yang digunakan juga sesuai dengan idea dan huraian. Contoh-contoh yang dikemukakan juga tepat dan jelas.

[Type text]

Contoh :

Apa gunanya jikalau sebuah petempatan itu cantik, bersih tetapi jiran di sebelah sebelah-menyebelah tidak bertegur sapa. Keluarga kami sangat mementingkan semangat kejiwaan, kerana perkara ini ada ditekankan di dalam Al-Quran. Pembangunan sesebuah negara bergantung kepada perpaduan rakyatnya dan perpaduan rakyat bermula dengan semangat kejiwaan yang jitu. ~~Perkara~~ Jiran yang mengambil berat akan perihal jirannya serta bersedia membantu jirannya yang berada di dalam kesukahan dapat memajukan sesebuah negara. Komuniti yang mesra serta mengambil berat antara satu sama lain adalah suatu komuniti yang menjamin kehidupan yang bahagia!

Bahasa bervariasi, ayat gramatis dan kosa kata luas.

PRESTASI SEDERHANA

Calon dapat memahami tugas soal yang diberikan dengan tepat dan jelas, iaitu ciri-ciri sebuah petempatan yang menjadi idaman calon sekeluarga seperti petempatan yang selesa dan bersih, dan mempunyai kemudahan asas dan infrastruktur. Jawapan calon masih relevan dan berupaya mengemukakan lebih daripada 3 idea penting tentang ciri-ciri petempatan yang diidami. Idea yang diberikan masih jelas, masih relevan dan disertai dengan contoh-contoh yang sesuai.

Contoh :

Antara ciri-ciri petempatan yang saya sekeluarga ingin ialah petempatan yang mempunyai persekitaran yang bersih. Dengan kawasan petempatan yang bersih, segala penyakit dapat dijauhi sekaligus menjadikan saya dan keluarga sihat. Persekitaran yang bersih juga menghasilkan pengaliran udara yang bersih. Udara yang bersih mampu melancarkan pergerakan darah. Pergerakan darah yang lancar mampu membuatkan otak kita berfungsi dengan baik seterusnya melahirkan individu yang sihat dan cerdas. Oleh itu, persekitaran yang bersih merupakan ciri yang terpenting dalam petempatan idaman saya dan sekeluarga.

Idea calon yang masih relevan.

[Type text]

Penggunaan bahasa calon masih gramatis dan masih bervariasi. Calon juga berupaya menggunakan pelbagai ragam ayat dan kosa kata umum tetapi calon melakukan kesalahan tatabahasa yang ringan. Pengolahan calon masih menarik dan pemerenggan masih sesuai.

Contoh :

| |
|---|
| Di samping itu, saya dan sekeluarga mementingkan tahap keselamatan. Sesebuah petempatan perlulah mempunyai anggota polis atau pegawai keselamatan yang membuat rondaan pada setiap malam agar tahap keselamatan berada pada tahap yang baik. Pencuri dan perompak akan dapat ditangani sekiranya langkah ini digunakan. Penduduk yang mendiami petempatan ini akan berasa lega dan berehat dengan secukupnya serta tidak perlu risau lagi tentang kehilangan barang atau rumah dimasuki pencuri. Dengan ini, tahap keselamatan sesebuah petempatan perlulah diambil berat dan tidak boleh ambil mudah sahaja. |
|---|

Bahasa masih gramatis dan pengolahan masih menarik.

PRESTASI RENDAH

Calon masih boleh menjawab tugas yang diberikan. Calon dapat menjelaskan ciri-ciri sebuah petempatan yang menjadi idaman sekeluarga dengan idea yang agak longgar.

Contoh :

| |
|--|
| Bagi ciri utamanya tempat yang terancang adalah tempat yang selamat bagi semua ketegeri dan keselamatan terjamin dan tempangnya sesuai bagi masa akan datang tempatnya juga sesuai dan dekat ketempat pekerjaan. |
|--|

Calon masih menjawab tugas tetapi idea longgar.

[Type text]

Calon tidak dapat menjawab tugas yang diberikan. Ada idea yang bercampur aduk antara petempatan yang menjadi idaman sekeluarga dengan rumah yang menjadi idaman sekeluarga. Pengolahan calon kurang menarik dan pemerenggan kurang sesuai. Idea tidak dapat diolah dengan menggunakan bahasa yang menarik dan berkesan. Laras bahasa yang kurang sesuai. Kosa kata terhad. Wacana kurang lengkap dan tidak terdapat pertautan idea yang jelas.

Contoh :

Banyak orang mempunyai impian yang besar adakalanya boleh diimpai atau tidak dapat diimpai yang semua yang kita nak gembirakan dengan apa yang ada dan mapu sahaja. Selepas saya berkerja keras dan mendapat cari banyak duit & saya akan membina sebuah rumah atau kediaman yang mempunyai ciri-ciri yang saya impai adalah berikut pandangan tapi rumah adalah pandangan hijau atau hutan pasi dari pintu depan nampak cahaya matahari petang pula matahari terbit di pintu bahagian belakang rumah. Rumah juga dihias dengan bunga-bunga dan gambar lukisan yang menarik perhatian dan rumah metilah dua tingkat, rumah di tengah-tengah bandar ini lah impian saya dan ciri-ciri sebuah petempatan yang menjadi idaman saya dan keluarga saya.)

Ayat tidak gramatis dan idea tidak relevan.

Calon tidak memahami konsep petempatan yang menjadi idaman. Calon menjelaskan ciri-ciri rumah yang menjadi idaman.

[Type text]

Soalan 3

Penyakit demam denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes merupakan ancaman yang membimbangkan negara.

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan merebaknya penyakit ini dan langkah-langkah bagi menanganinya.

PRESTASI TINGGI

Calon dapat menjawab tugas dengan tepat dan jelas berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan merebaknya penyakit ini dan langkah-langkah bagi menanganinya. Calon dapat menulis faktor-faktor yang menyebabkan merebaknya penyakit demam denggi dan langkah-langkah menanganinya secara seimbang. Calon yang dikategorikan sebagai matang berupaya mengemukakan lebih daripada 3 isi. Isi-isi yang dikemukakan adalah tepat dengan disokong oleh huraian dan contoh-contoh yang sesuai, relevan dan matang.

Contoh :

Murakhir ini negara tidak putus-putus dicelikkan dengan berita-berita kematian yang membabitkan penyakit demam denggi. Berdasarkan statistik, kawasan sekitar Lembah Kelang terutamanya yang mencatatkan kadar kematian yang paling tinggi dan membimbangkan. Hal ini ternyata mengancam ketenteraman masyarakat sejagat kerana masalah nyamuk aedes umpama barah yang tiada penawarnya. Walaupun begitu, masalah nyamuk tersebut boleh dikurangkan dengan profesional, rasional dan signifikan sekiranya setiap lapisan masyarakat berusaha mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan merebaknya penyakit yang membawa maut ini seraya mengaplikasi langkah-langkah yang boleh dilaksanakan bagi menanganinya demi kemaslahatan bersama.

Idea menjawab tugas, huraian jelas dan matang.

[Type text]

Bahasa calon gramatis dan lancar. Kepelbagaian jenis ayat dan penggunaan kosa kata yang luas dan tepat penggunaannya berupaya ditulis oleh calon. Calon hanya melakukan kesalahan tatabahasa yang kecil dan tidak ketara. Calon juga dapat menulis pelbagai jenis ayat majmuk yang gramatis dan sesuai dengan laras bahasa yang digunakan. Penggunaan kosa kata, istilah dan tanda baca juga tepat dan betul. Penggunaan peribahasa dan bidalan serta ungkapan-ungkapan menarik juga digunakan untuk memperkuatkan huraian dengan cara yang berkesan. Gaya bahasa yang indah ini akan menggambarkan satu bentuk wacana karangan yang lengkap dan menarik.

Contoh :

Oleh hal yang demikian, setiap pihak seharusnya merancang strategi dan menitikberatkan mekanisme yang ampuh dalam usaha menangani masalah yang semakin menular di Malaysia ini seperti kata pepatah tika di mata dipejamkan, tika di perut dikempiskan. Salah satu prakarsa yang boleh dijayakan ialah aktiviti pembersihan sekitar kawasan rumah oleh setiap ahli keluarga. Pendidikan awal kepada anak-anak tentang kebersihan kawasan rumah merupakan langkah menangani pembiakan nyamuk aedes dan penyakit demam denggi. Oleh itu anak-anak akan lebih prihatin terhadap kawasan sekeliling dan tidak mustahil anak-anak kita pula yang akan mehegur kita apabila ternampak takungan air di tempat-tempat tersembunyi suatu hari kelak.

Bahasa bervariasi, kosa kata luas dan menggunakan ungkapan yang menarik.

Pengolahan calon adalah menarik dan berkesan. Pemerenggan yang digunakan juga sesuai dengan idea dan huraian serta contoh-contoh yang dikemukakan. Idea-idea yang diolah meninggalkan kesan kepada pembaca. Faktor-faktor dan langkah-langkah menangani wabak demam denggi diuraikan dengan menggunakan kosa kata yang tepat serta penggunaan laras bahasa yang sesuai. Pertautan idea dan penekanan idea tentang faktor-faktor dan langkah-langkah tersebut memperlihatkan wacana yang dibina oleh calon sebagai satu bentuk karangan yang utuh, mantap dan matang.

[Type text]

Contoh :

Faktor kedua ialah pengabaian terhadap kebersihan kawasan persekitaran. Sebagaimana yang telah kita sedia maklum, nyamuk aedes memerlukan kawasan yang mempunyai air yang tidak mengalir untuk membiakkan telur-telurnya. Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang telah dibuat, terbukti dengan jelas bahawa rata-rata penduduk di Malaysia menternak nyamuk aedes tanpa mereka sedari. Antara tempat-tempat pembiakan serangga pembunuh ini ialah di dalam pasu-pasu terbiar, celahan tayar, longkang-longkang yang tersumbat, tangki air dan sebagainya. Seperkara lagi, selain kehadiran air yang bertakung, proses pembiakan nyamuk aedes juga tidak terencat di tempat-tempat teduh yang terhalang daripada sinaran matahari.

Pengolahan menarik dan berkesan.

PRESTASI SEDERHANA

Calon masih menjawab tugas soal berkaitan faktor-faktor yang menyebabkan merebaknya penyakit ini dan langkah-langkah bagi menanganinya. Huraian masih jelas dan contoh masih sesuai. Bahasa calon masih gramatis dan masih lancar. Calon hanya melakukan kesalahan tatabahasa yang kecil dan tidak ketara. Penggunaan kosa kata, istilah dan tanda baca juga masih tepat.

Pemerenggan yang digunakan juga masih sesuai. Idea yang diolah masih meninggalkan kesan kepada pembaca. Faktor-faktor dan langkah-langkah menangani wabak demam denggi masih dapat diuraikan menggunakan kosa kata yang tepat serta penggunaan laras bahasa yang masih sesuai. Pertautan idea dan penekanan idea tentang faktor-faktor dan langkah-langkah tersebut masih memperlihatkan wacana yang dibina oleh calon sebagai satu bentuk karangan yang lengkap.

[Type text]

Contoh :

Dalam pada itu, semak-samun yang tidak ^{dipotong} ditebat juga menjadi salah satu faktor kepada masalah demam denggi ini. Semak-samun yang tidak dipotong terutamanya di tempat-tempat reaksi dan taman-taman permainan boleh memudahkan pembiakan nyamuk aedes aedes memandangkan ia sangat suka tempat yang gelap. Hal ini akan membahayakan ~~te~~ masyarakat terutamanya ~~kanak-kanak~~ ^{kanak-kanak} kerana mereka sering bermain-main di tempat semak-samun tanpa memikirkan akibatnya. Sebagai tamsilan, kanak-kanak lebih suka bermain di tempat-tempat gelap walhal mereka tidak tahu bahawa makhluk tuhan yaitu nyamuk aedes ini akan menyerang mereka. Hal ini akan menyebabkan badan mereka menjadi lemah dan terdapat bintik-bintik merah yang akan timbul pada bahagian kulit mereka. Mereka kanak-kanak tersebut terpaksa ditahan di hospital untuk di kawal rapi ~~supaya~~ ^{demam} ~~kerah~~ ^{gigitan} nya denggi mampu membawa maut. Jadi, masalah ini akan ~~di~~ semak-samun ini yang tidak dipotong ini perlu dipandang serius oleh semua masyarakat.

Idea masih jelas dan contoh masih sesuai.

Contoh :

26) Antara langkah yang perlu dijalankan untuk mengatasi masalah demam denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes ini ialah masyarakat perlu mengadakan gotong royong ~~aktiviti~~ gotong royong sebanyak sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh sebulan. Gotong royong amat penting dijalankan untuk membersihkan kawasan perumahan masing-masing supaya nyamuk aedes tidak mudah membiak di kawasan tersebut. Sebagai tamsilan, longkang-longkang yang tersumbat perlu dibaki salirannya untuk mengelakkan dampaknya pembiakan nyamuk aedes di situ. Selain itu, semak-samun ~~da~~ yang telah panjang perlu segera dipotong. Aktiviti gotong royong ini bukan sahaja bertujuan membersihkan kawasan persekitaran malah dapat mengeratkan ^{lagi} hubungan silaturahim antara jiran tetangga. Masalah ini dapat dibendung ^{selamanya} jika semua pihak bekerjasama mengatasinya.

Bahasa masih gramatis dan pengolahan masih menarik. Kosa kata umum.

[Type text]

PRESTASI RENDAH

Calon masih memahami tugas soal dan mempunyai idea tentang faktor-faktor dan langkah-langkah bagi menangani wabak demam denggi tetapi tidak dapat diuraikan kerana kelemahan bahasa.

Contoh :

| |
|---|
| Penyakit demam denggi yang berpunca daripada nyamuk aedes |
| merupakan ancaman kepada masyarakat dan negara yang sedang |
| membangkitkan kerana penyakit demam denggi ini boleh |
| menyebabkan membawa maut kepada golongan masyarakat |
| terutama kanak-kanak dan remaja. Penyakit ini tidak |
| dedah sehingga seseorang itu demam ^{dengan} suhu semakin tinggi, |
| hilang selera, mudah mengantuk dan badannya penuh dengan |
| kemerah-merahan. Penyakit demam denggi ini berpunca disebabkan |
| oleh beberapa faktor yang dibuat dibuat oleh golongan |
| yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar seperti tikus |
| mendapat kerat. |

Idea masih menjawab tugas tetapi bahasa calon tidak gramatis.

Calon kurang menjawab tugas soal. Huraian idea tidak jelas dan pengolahan tidak menarik. Ayat tidak gramatis dan sukar difahami. Kosa kata terhad dan tidak tepat penggunaannya.

[Type text]

Contoh :

Aedes merupakan ancaman membimbangkan bagi negara. Warga negara pun harus tolong menolong untuk menghapuskan nyamuk aedes yang membahayakan orang. Jangan membialkan tempat pembialkan nyamuk aedes mesti menghapuskannya kalau tidak ia lagi menghapuskan manusia dahulu. Demi keselamatan dan kebajikan manusia mesti menjaga kebersihan merata tempat dan menyediakan potong-potong setiap minggu dua kali untuk menghapus nyamuk denggi. Selain itu, kerajaan harus menyediakan pam untuk menggerakkan loupkau dan merata-rata tempat supaya nyamuk aedes tidak tempat tinggal. Jangan membialkan aedes menumpang tempat manusia.

Kurang menjawab tugas dan idea tidak jelas.

SOALAN 4

Penyertaan setiap negara dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa dapat mengeratkan hubungan masyarakat dunia.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

PRESTASI TINGGI

Calon dapat mengemukakan idea yang relevan mengikut tugas soal. Penyertaan setiap negara dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa dapat mengeratkan hubungan masyarakat dunia diuraikan dengan jelas dan matang serta contoh-contoh yang sesuai. Calon dapat menggunakan ayat majmuk yang gramatis, laras bahasa yang sesuai, kosa kata yang luas dan tepat serta unsur bahasa yang bervariasi. Gaya bahasa yang digunakan menarik dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa yang sesuai. Wacana penulisannya lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.

[Type text]

Contoh :

| |
|--|
| <p>Selain itu, melalui pertandingan sukan padat pada peringkat antarabangsa juga dapat menjalinkan hubungan silaturrahim antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Negara yang kecil boleh menjalinkan hubungan dengan negara-negara besar/ bagi ^{melalui aktiviti sukan} mendapatkan but bantuan untuk membangunkan negara mereka. Sebagai contoh, Sierra Leone, sebuah negara yang kecil dan rata-rata penduduknya hidup dalam kemiskinan dan ^{serta} kedaiifan dapat menjalinkan hubungan dengan Amerika Syarikat bagi mendapatkan bantuan untuk membangunkan negara. Amerika Syarikat, yang kini bakal dipegang tampuk pimpinannya oleh seorang pemuda berkulit hitam, Barack Obama yang ingin melakukan perubahan untuk memulihkan imej negara tersebut, semestinya ingin membantu negara-negara yang kurang maju membangunkan negara mereka.</p> |
|--|

Idea relevan mengikut tugas, huraian jelas dan matang. Contoh relevan.

Contoh :

| |
|---|
| <p>Melalui aktiviti sukan pada peringkat antarabangsa juga dapat mempuk semangat kerjasama ^{mengadakan perhubungan dan pertukaran} antara sesebuah negara dengan negara yang lain. Hal ini kerana mereka akan saling bekerjasama antara satu sama lain untuk menayakan sesuatu anjakan sukan pada peringkat antarabangsa dan sebenarnya dapat mengeratkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara tersebut. Hal ini dapat dilihat dalam sejarah sukan bola sepak Piala Dunia 2002 yang dianjurkan oleh dua buah negara besar Asia iaitu Korea dan Jepun serta Euro 2008 yang di dianjurkan oleh dua buah negara di Eropah iaitu Austria dan Switzerland. Mereka bekerjasama dalam menganjurkan ^{dan menayakan} program terbesar di dunia dan mereka ingin but membuat anjakan yang terbaik supaya diingati oleh semua pihak. Hal ini jelas bahawa aktiviti sukan pada peringkat antarabangsa dapat mengeratkan masyarakat antarabangsa. Selalunya mereka sering bertelagah tidak mungkin mereka dapat dianjurkan program sukan yang terbesar di dunia yang sehingga kini masih diingati oleh semua pihak.</p> |
|---|

Ayat gramatis, kosa kata luas dan tepat. Unsur bahasa bervariasi.

[Type text]

PRESTASI SEDERHANA

Calon masih dapat menjawab tugas soal dengan tepat tentang penyertaan setiap negara dalam pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa dapat mengeratkan hubungan masyarakat dunia. Bahasa masih gramatis. Huraian masih jelas. Pengolahan masih menarik.

Contoh :

| | |
|----|--|
| j) | Selain dapat mengeratkan hubungan masyarakat di |
| | seluruh dunia, pertandingan ini juga dapat mengeratkan |
| | hubungan sesama ahli-ahli sukan itu sendiri. Apabila |
| | terjalin sebuah persahabatan pertandingan sukan yang |
| | diadakan akan menjadi lebih menarik dan lebih bermakna |
| | kepada ahli-ahli sukan tersebut. Ini telah dibuktikan oleh |
| | Kenny Ang pada tahun 1998 bersama rakannya telah |
| | berjaya mengharumkan nama negara setelah memenangi |
| | 10 sepuluh pingat emas dan mendapat tempat yang |
| | keempat dalam permainan boling. |

Idea masih relevan, huraian masih jelas dan contoh masih sesuai.

Terdapat juga calon yang masih menjawab tugas soal tetapi mengemukakan idea dan contoh yang kurang sesuai. Huraian kurang mantap.

[Type text]

Contoh :

Peranan ~~sukan~~ pertandingan pada peringkat antarabangsa ini amat penting dalam ~~membawa~~ menaikkan nama negara supaya dikenali dan gah di mata dunia. Bahulu, jika ditanya kepada warga asing mengenai Malaysia, ramai yang tidak mengenalinya. Malah kadang-kadang kita berasa malu apabila ramai yang lebih mengenali Singapura yang kecil berbanding Malaysia. Namun, kini semuanya berubah apabila ~~kita~~ negara kita buat pertama kalinya menganjurkan pertandingan Formula One di Sepang dan juga Le Tour De Langkawi. Semenjak itu, nama negara kita sering meniti di bibir masyarakat di seantero dunia setiap kali pertandingan ini ~~diad~~ diadakan.

Calon tidak dapat mengaitkan faedah pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa dengan mengeratkan hubungan masyarakat dunia sebaliknya lebih banyak membincangkan faedah sukan secara umum.

PRESTASI RENDAH

Calon kurang memahami tugas soalan. Calon kurang atau tidak jelas tentang pertandingan sukan pada peringkat antarabangsa boleh mewujudkan hubungan yang erat antara masyarakat sesebuah negara dengan negara yang lain. Bahasa tidak gramatis. Banyak kesalahan bahasa dilakukan. Pengolahan tidak menarik.

Contoh:

Seseorang pemain pula akan mesti bertanggungjawab diri sendiri. Pemain perlu menghormati pemain-pemain yang datang dari luar negara.

Idea tidak relevan mengikut tugas.

[Type text]

Contoh :

Dan juga, pemain perlu mempunyai berani untuk menghadapi masalah, pergaduhan dan sebagainya. Pemain perlu bersopan.

Huraian yang tidak jelas dan bahasa tidak gramatis.

Contoh :

Contohnya seorang pemain akan menang dalam pertandingan itu dan pemain lain mesti bersetuju untuk keputusan adil. Tidak boleh bergaduh sesama mereka. Pemain perlu berusaha untuk negara.

Contoh tidak tepat.

Soalan 5

Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga;
Yang baik itu budi,
Yang indah itu bahasa.

Pantun di atas menjelaskan bahawa budi bahasa penting dalam kehidupan manusia.

Bincangkan kepentingan amalan berbudi bahasa dalam masyarakat.

[Type text]

PRESTASI TINGGI

Calon dapat memahami dengan tepat dan jelas tugas yang diberikan dan berjaya membincangkan kepentingan amalan berbudi bahasa dalam masyarakat dengan menarik dan berkesan. Pada perenggan pendahuluan calon berjaya mengaitkan pantun tersebut dengan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat.

Contoh:

Pantun di atas sudah cukup menerangkan bahawa berbudi bahasa itu merupakan sesuatu yang indah dan baik. Masyarakat Melayu kita cukup terkenal dengan budi bahasa yang mulia dan ramah orangnya. Sejak dahulu lagi masyarakat Melayu kita amat menitikberatkan amalan berbudi bahasa dalam kalangan masyarakat. Boleh kata pepatah Harau Tuah, tali nilang Melayu di dunia. Oleh itu, seiring dengan peredaran zaman, masyarakat Melayu haruslah meneruskan amalan berbudi bahasa untuk menunjukkan bahawa masyarakat Melayu masih mengamalkan amalan yang mulia ini. Jelas berbudi bahasa amat penting dalam kehidupan seorang insan yang berketurunan Melayu.

Tugas soal tepat dan pendahuluan relevan dengan idea yang hendak dikemukakan.

Calon dapat membincangkan kepentingan amalan tersebut dalam masyarakat. Antaranya ialah menjamin keharmonian hidup bermasyarakat, mewujudkan perpaduan, sebagai aset menjana ekonomi dalam bidang pelancongan dan sebagai alat untuk melemahkan kuasa penjajah ketika pengenalan Malayan Union. Bahasa gramatis dan gaya bahasa bervariasi. Kosakata luas dan tepat penggunaannya. Idea diolah dengan menarik dan berkesan.

[Type text]

Contoh :

Seorang yang mengamalkan nilai budi bahasa amat berhemah tinggi, beradab sopan dan berbudi pekerti mulia dalam pergaulan seharian. Sebagai contoh, mereka yang berbudi bahasa akan bertolak ansur, sabar dan dapat menpawal diri bagi mengelakkan pertelingkahan serta perselisihan fahaman demi kesejahteraan hidup. Mereka juga mampu menjaga maruah diri serta keluarga dan juga nama baik negaranya apabila di perantauan. Kesemua nilai murni yang ditunjukkan oleh seseorang berbudi bahasa akan melahirkan masyarakat penyayang kerana apabila berhadapan dengan orang ramai, seseorang ini dapat menghormati setiap orang dengan berinteraksi dengan mereka dan menghormati mereka. Mereka juga dapat mengiktiraf golongan kurang berupaya sebagai model penciptaan Tuhan dan memberi layanan yang baik terhadap mereka supaya tidak berasa terasing. Oleh yang demikian, budi bahasa amat penting bagi mewujudkan masyarakat penyayang.

Bahasa gramatis dan pengolahan menarik.

PRESTASI SEDERHANA

Tugasan soalan masih tepat. Calon hanya dapat membincangkan kepentingan budi bahasa dalam kehidupan manusia secara umum. Jawapan calon berkisar tentang menghormati orang tua, mengeratkan silaturahim dan mewujudkan silaturahim masyarakat yang aman. Terdapat juga idea yang kurang relevan. Huraian calon kurang jelas. Bahasa kurang gramatis. Kosa kata umum dan agak mudah. Pengolahan kurang menarik.

[Type text]

Contoh :

amalan

Antara kepentingan ~~Amalan~~ berbudu bahasa ialah menunjukkan peribadi atau sah-sah seseorang ~~individu~~ ^{berbicara} tersebut - kelambutan, kessapanan dan kelancaran dalam ~~berbudi bahasa~~ ^{berbicara} dapat menarik individu ~~tersebut~~ yang lain untuk bertutur-tutar pendapat dengan ~~individu~~ individu tersebut - Kita dapat lihat di sini amalan berbudi bahasa yang diamalkan sudah tentu dapat mengubah ~~perse~~ persepsi masyarakat terhadap seseorang individu. Sebagai contoh, Aminah yang bertutur kata lembut dan sopan sudah tentu kita akan berasa selesa untuk berfikir-berfikir dengan Aminah. Tetapi jika dibandingkan dengan Ahmad yang bertutur kata kasar sudah tentu masyarakat mempunyai tanggapan yang negatif terhadap Ahmad. Melalui contoh kedua-dua individu tersebut sudah terlintas di fikiran kita yang tentu Aminah mempunyai ahlak yang baik tetapi Ahmad sebaliknya.

Huraian kurang jelas dan ayat kurang gramatis.

Contoh :

Selain itu, amalan berbudi bahasa yang diamalkan dapat dijadikan teladan atau ikutan kepada masyarakat. Amalan berbudi bahasa seharusnya dipupuk oleh ~~ibu bapa~~ ^{ibu bapa} kepada anak-anak sejak kecil bak kata pepatah metenjur buluh biarlah dari rebunginya. Hal ini demikian kerana tutur kata yang dibicarakan oleh ibu bapa dapat menjadi teladan bagi anak-anak mereka. Malah jika anak-anak mereka berbual dengan menggunakan pertuturan yang lembut, sopan dan baik, kawan anak-anak mereka akan ~~menyebut~~ ^{turut} ~~menjadikan~~ ^{bertutur} dengan cara yang sama. Oleh itu, amalan berbudi bahasa dapat ditrapkan sejak anak-anak masih kecil lagi. Sebranya anak-anak di Malaysia dididik untuk ~~amalg~~ ^{amalg} berbudi bahasa ~~sedua~~ sudah tentu ~~ada~~ ^{negara} kita akan dijadikan teladan oleh negara-negara lain.

Idea kurang relevan dengan tugas soal.

[Type text]


PRESTASI RENDAH

Kebanyakan calon tidak dapat menjawab tugas dengan baik. Jawapan calon kurang tepat dan kurang jelas. Calon tidak dapat mengaitkan konsep budi bahasa dengan kepentingan amalan tersebut dalam kehidupan bermasyarakat.

Calon tidak memahami maksud soalan dengan tepat menyebabkan idea yang dikemukakan tidak menepati maksud sebenar. Calon tidak memahami konsep budi bahasa, maksud kepentingan amalan berbudi bahasa dan dalam kehidupan masyarakat. Hal ini dibuktikan apabila calon tidak berupaya untuk memberi idea yang sepatutnya. Begitu juga dengan contoh-contoh yang diberi tidak sesuai atau tidak jelas.

Terdapat juga calon yang tidak memahami langsung kehendak soalan. Calon telah sewenang-wenangnya mengemukakan aspek budi bahasa berkaitan dengan langkah-langkah memupuk budi bahasa dan bukannya kepentingan amalan budi bahasa dalam masyarakat. Idea bercampur aduk.


Contoh :



Kita hendaklah tahu bersopan santun. Kita mestilah bersopan santun ketika melakukan sesuatu perkara yang dikehendaki. Contohnya, apabila berjumpa dihadapan orang tua, kita hendaklah berjumpa dengan bersopan santun dengan berjalau sambil menundukkan kepala dihadapan mereka. Perbuatan ini perlu diamalkan oleh setiap orang untuk menunjukkan sikap berbudi bahasa.

Idea tidak menjawab tugas.

Contoh :



Kedua ialah fobag-menolong. Kita hendaklah bersatu padu bersama-sama melakukan sesuatu perkara itu sangat penting seperti bak kata pepatah Bersatu kita teguh, bercerai kita runtuh. Kita hendaklah bergandug bahu menjadi rakyat yang rajin.

Idea kurang relevan dan contoh tidak sesuai.

[Type text]

Secara keseluruhan, penguasaan bahasa calon prestasi rendah bagi soalan ini kurang memuaskan tetapi masih boleh difahami.

Berbudi bahasa terhadap orang yang tua daripada kita untuk menunjukkan tanda pemahaman di antara kita bersama. Berkerjasama menyelesaikan masalah antara satu sama lain demi melahirkan masyarakat yang bertoleransi. Berbudi bahasa akan melahirkan masyarakat mamuk dan harmoni.

Ayat tidak gramatis.

SARANAN KEPADA PELAJAR.

- 1 Teliti arahan soalan atau tugas yang perlu dijawab.
- 2 Pelajar mesti akur dengan arahan soalan seperti bilangan perkataan dan masa yang diperuntukkan.
- 3 Pelajar mesti memilih soalan yang sesuai atau mempunyai kaitan dengan pengetahuan sedia ada.
- 4 Pelajar mesti menguasai aspek tatabahasa seperti imbuhan dan hukum DM.
- 5 Pelajar mesti mengenal pasti karangan berformat dan tidak berformat.
- 6 Pelajar perlu peka terhadap isu semasa terutama dalam dua tahun belakangan.
- 7 Pelajar mesti sentiasa merujuk dan membaca bahan ilmiah untuk memantapkan bahasa dan fakta agar dapat membincangkan isi-isi karangan dengan matang.
- 8 Pelajar perlu menguasai kemahiran menulis atau teknik penulisan yang betul.
- 9 Pelajar perlu menguasai penanda wacana dan ungkapan menarik.
- 10 Pelajar perlu mempelbagaikan latihan penulisan.

[Type text]

SARANAN KEPADA GURU.

- 1 Guru perlu melatih pelajar untuk menulis karangan (Bahagian A dan Bahagian B) mengikut masa yang dicadangkan seperti dalam waktu peperiksaan sebenar.
- 2 Guru perlu meningkatkan keupayaan murid supaya mampu menulis karangan yang mempunyai bilangan perkataan yang mencukupi mengikut arahan soalan. Cara yang dicadangkan ialah dengan memperbanyak latihan.
- 3 Guru perlu memberikan penekanan kepada pelajar-pelajar dalam latihan pembinaan ayat yang gramatis melalui latih tubi yang berkesan.
- 4 Guru menyediakan contoh-contoh karangan yang baik untuk rujukan pelajar. Pelajar yang lemah diminta untuk menyalin contoh-contoh berkenaan.
- 5 Guru perlu membimbing pelajar menguasai teknik menjawab penulisan karangan yang baik dan berkesan.
- 6 Guru perlu mempunyai pengetahuan yang luas untuk menarik minat pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran.
- 7 Guru perlu mengetahui teknik penandaan kertas Bahasa Melayu 1 (1103/1).
- 8 Guru perlu sentiasa merujuk sukatan pelajaran, huraian sukatan Pelajaran dan buku teks Bahasa Melayu.
- 9 Guru perlu menyediakan soalan berdasarkan Jadual Spesifikasi Ujian (JSU)